



# Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

Bil.19 November 2009 Zulkaedah/Zulhijjah 1430H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DIGITAL PERPUSTAKAAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## DELEGASI LUAR NEGARA KAGUM Pembangunan Pesat Kuala Lumpur



**K**eindahan seni bina bangunan bandar raya Kuala Lumpur dan konsep 1 Malaysia yang diaplikasi oleh kerajaan telah mendorong Datuk Bandar Tashkent, Abdulkahhor Rukhtaev mengadakan kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail.

Kunjung hormat yang diadakan pada 27 Oktober lalu turut disertai oleh sembilan pegawai kanan delegasi itu dan telah diberi taklimat mengenai Kuala Lumpur City Plan 2020 oleh wakil Jabatan Pelan Induk DBKL. Ia diadakan bertujuan bagi mengeratkan hubungan baik di antara kedua-dua bandar raya dari segi pelan pembangunan bandar raya menjelang 2020.

Menurut Dato' Ahmad Fuad, bandar raya Tashkent kaya dengan seni ukiran dan sejarah berusia 2200 tahun, dan Kuala Lumpur juga terkenal dengan pembangunan yang sedang pesat membangun seharusnya dua bandar ini bertukar-tukar fikiran agar kemajuan dapat dicapai bersama. Bagi H.E. Abdulkahhor, pihaknya amat berminat untuk menggetahui dengan lebih mendalam tentang pengurusan perumahan awam DBKL yang tersusun dan bersistematis.

Selain Uzbekistan, DBKL sebelum ini turut menerima kunjung hormat daripada pelbagai negara Eropah mahupun Asia Tenggara termasuk Vietnam. Justeru itu, pada 4 November pula, Pengurus Hanoi People's Committee of Vietnam, H.E Dr. Nguyen The Thao bersama-sama enam pegawai kanan delegasi bandar raya tersebut mengadakan kunjung hormat ke DBKL. Tujuan kunjung hormat ini adalah untuk menjalinkan kerjasama yang mampu menyumbang kepada pentadbiran bandar raya masing-masing. Kata H.E Dr. Nguyen, aliran trafik yang lancar di Kuala Lumpur merupakan satu fenomena yang berbeza dengan keadaan di Hanoi. 'Sistem ITIS di bawah seliaan DBKL adalah sistem yang boleh dijadikan contoh oleh pihak pentadbiran Hanoi dan kami akan berkongsi pengalaman dengan DBKL untuk penambahbaikan sistem trafik di bandaraya kami', ujarnya H.E Dr. Nguyen The Thao.

Kunjung-mengunjungi ini diharapkan dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai salah satu bandar bertaraf dunia yang boleh dijadikan contoh terbaik hari ini dan akan datang khususnya kepada bandar-bandar membangun yang lain.





## DARI MEJA DATUK BANDAR DATO' AHMAD FUAD B. ISMAIL



### From The Mayor's Desk

Sebagai sebuah penguasa tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kebersihan dan mengukuhkan tahap penguatkuasaan di kawasan ibu kota. Bagi isu pembersihan ianya merangkumi di dalam hal pembuangan sampah, kebersihan longkang, kebersihan di bahu-bahu jalan, tempat-tempat awam, taman-taman, tandas awam dan sebagainya. Pelbagai usaha telah diambil bagi menyedarkan orang ramai supaya mengamalkan budaya cintakan kebersihan. Walaubagaimanapun, perkara ini masih menjadi masalah untuk ditangani. Sebagai contoh, isu kebersihan di tandas-tandas awam, masih belum memuaskan hati dan sering mendapat komen daripada orang ramai. Jika isu ini tidak dapat ditangani dengan baik, maka ia akan memberikan kesan yang besar kepada imej sebuah bandaraya khususnya di kalangan pelancong asing. Oleh itu tindakan hendaklah diambil dengan segera bagi memperbaiki kerosakan tandas-tandas awam ini. Jika dibiarkan terlalu lama akhirnya kos untuk membaik pulih kemudahan ini akan berganda.

Isu penguatkuasaan undang-undang oleh PBT juga sering dibangkitkan oleh kerajaan serta masyarakat umum melalui media-massa. PBT kadangkala dianggap terlalu lemah dan ada kalanya dianggap terlalu ghairah dan tidak berhemah dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang. Penyalahgunaan kuasa dan rasuah semasa menjalankan tugas telah diingatkan berulang kali supaya diberi perhatian dan sekiranya amalan tindakan yang digunakan ketika ini tidak menunjukkan perubahan maka hendaklah diganti dengan prosedur baru yang lebih berkesan. Latihan kepada kakitangan yang terlibat dengan tugas-tugas penguatkuasaan perlu diadakan lebih-lebih lagi di dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendakwaan, undang-undang kuarantin yang dibenarkan dan sebagainya.

Kesimpulannya, ekspektasi orang awam terhadap DBKL semakin mencabar, oleh itu untuk menjadi yang terbaik, warga kota DBKL hendaklah terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh iltizam, profesional dan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang efisien agar menjadi sebuah organisasi yang terunggul dan terbaik di dalam Malaysia.

*As a local council, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) continually attends to efforts to enhance cleanliness and strengthens its law enforcements upon areas around the city. Where the cleanliness issues are concerned it covers areas of waste disposal, drain cleaning, clearing roadside curbs, public places, parks, publics toilets etc. Various efforts were introduced to ensure public awareness and practice clean habits.*

*However, this matter remains a problem to be solved. As an example the issues of public toilets remains satisfactory and continues to attract public complaints. If this issue is not properly resolved, it will disgrace the image of the city, especially among foreign tourists. On that ground it is necessary to urgently repair any defects in these public toilets. If the matter is left unattended it will in the end incur double the cost of repair.*

*Law enforcement carried out by PBT is another issue that has often been questioned by the government and the public generally through the mass media. Often PBT was accused of being too lenient and in some occasions were accused to be too stringent and rude while enforcing laws. Abuse of power and corrupt practices while carrying out duties have time and again be reminded against and if the current practices do not show any change thus new procedures need to be introduced to ensure effectiveness. Personnel who are involved in law enforcement duties should undergo training in areas related to prosecution law, and necessary actions and practices etc.*

*The conclusion is, the expectation of the public towards DBKL are more demanding, thus to be the best, DBKL workforce need to continue to carry out your duties and responsibilities that have been assigned to you with full commitment, professional and continuously strive to give efficient services towards becoming a prominent and the best organization in Malaysia.*

*Sayangi Kuala Lumpur*

# Foreign Delegations Are Impressed BY THE RAPID DEVELOPMENT OF KUALA LUMPUR

Varieties in the local transport, Kuala Lumpur city's building architecture and the promotion of the 1 Malaysia concept are among the charms that draw Tashkent City Mayor, Abdulkahhor Rukhtaev to come on an official visit to Kuala Lumpur City Mayor, Dato' Fuad Ismail.

The official visit on October 27th include nine senior officers and they were given a briefing on Kuala Lumpur City Plan 2020 by a representative of the Jabatan Pelan Induk DBKL. Its objectives was to strengthen bilateral relations between the parties for the development of the two cities by 2020.

Dato' Ahmad Fuad said, the city of Tashkent is rich in art sculptures and its history which is 2200 years old while Kuala Lumpur is well known for its flourishing development. As a positive step, DBKL and Tashkent propose to exchange expertise in administering the two cities which are rich in history as well as in modern infrastructure, valuable in both the commercial aspects and tourism ", said Dato' Ahmad Fuad. For H.E AbdulKahhor on his part is interested to know more on the proper and systematic management of DBKL public housing.

Besides Uzbekistan, DBKL previously received official visits from various European and Southeast Asian countries including Australian delegates.

Thus on 4th November the Chairman of Hanoi People's Committee of Vietnam H.E Dr. Nguyen The Thao accompanied by six senior officers of the city made an official visit to DBKL. The main objectives of the visit is to establish tourism cooperation which will contribute to the economies of both cities.

H.E Dr Nguyen said the smooth traffic flow in Kuala Lumpur is a phenomena so much unlike in Hanoi. "The application of ITIS System administered by DBKL is a viable strategy for the administration of Hanoi to consider using and we will share our experience with DBKL to enhance our city's traffic system", H.E Dr. Nguyen The Thao said.

It is hoped that through this cooperation Kuala Lumpur will emerge as a city of world status which can be looked forward upon by cities in other developing countries.



## Sidang Redaksi

Penasihat : Y.Bhg Dato' Ahmad Fuad bin Ismail

Ketua Editor : Y.Bhg Datuk Hj Salleh bin Yusop

Editor : Anwar bin Mohd Zain

Sub-Editor : Nor Iz Hayza binti Md Zam

Emb. Editor : Emy Hezrin binti Hanafiah  
Wan Norazat binti Wan Md Nor

Jurufoto : Muzarak b. Alan  
Abd Rhani bin Md Shohor  
Md Ismail bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada :

Sidang Redaksi Berita Bandaraya  
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,  
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur

Tel. : 03-2617 9803 Faks : 03-2698 0460  
Emel : penerbitan@dbkl.gov.my